

# SOLAT JENAZAH



# RUKUN SOLAT JENAZAH

1. Berdiri jika mampu
2. Berniat
3. Takbir 4 kali
4. (Takbir pertama) Surah Al-Fatihah
5. (Takbir kedua) Membaca selawat
6. (Takbir ketiga) Mendoakan mayat
7. (Takbir keempat) Memberi salam, disunnahkan doa sebelum salam.

## **NIAT SOLAT JENAZAH :**

“Sahaja aku solat jenazah 4 takbir fardhu kifayah kerana Allah ta`la”

## **Syarat-syarat lain :**

- Seperti syarat solat.
- Mayat sudah dimandikan dan dikafankan.
- Mayat diletakkan di hadapan orang yang solat Jenazah.

# BERZIARAH KE MADINAH



# TUJUAN-TUJUAN BERZIARAH KE MADINAH

1. Menziarahi Rasulullah s.a.w
2. Menziarahi Masjid An-Nabawi
3. Menziarahi Khalifah Abu Bakar dan Umar r.a
4. Menziarahi perkuburan Baqe`l
5. Menziarahi para Syuhada perang Uhud.
6. Menziarahi masjid Quba.
7. Menziarahi masjid Qiblatain.

Telah berkata Rasulullah s.a.w :

لا تشد الرحال إلا إلى ثلاثة مساجد : مسجدي هذا و مسجد الحرام و  
مسجد الأقصى

*Kamu tidak diminta memberatkan diri untuk berpergian kecuali kepada  
tiga masjid : masjidku ini, masjidil haram dan masjidil aqsa.*

من زار قبري وجبت له شفاعتي

*Siapa yang menziarahi kuburku, telah wajiblah baginya syafaatku.*

# ADAB MENZIARAHI MASJID NABI S.A.W

- Memperbanyakkan selawat ketika dalam perjalanan menuju ke Madinah Munawwarah.
- Disunnahkan mandi terlebih dahulu, berwudhuk, berwangi-wangian dan memakai pakaian yang kemas dan bersih.
- Memasuki masjid dengan kaki kanan dan membaca doa masuk masjid.
- Solat sunat 2 rakaat tahiyyat masjid di Raudhah Syariff (kalau dipermudahkan) ketika masuk ke dalam masjid.
- Kembali ke Raudhah setelah menziarahi Rasulullah s.a.w dan mintalah taubat, pengampunan dan kebaikan untuk diri sendiri, ibu bapa dan umat islam.
- Tidak meninggalkan solat Jemaah di masjid Nabawi



*Doa ketika masuk masjid  
Nabawi*

اللهم صل على سيدنا محمد و على  
آله و سلم ، رب اغفر لي ذنوبي و  
افتح لي أبواب رحمتك



# ADAB BERSAMA RASULULLAH S.A.W

*Kiriman salam dari  
orang lain :*

السلام عليك يا رسول الله من  
فلان بن فلان

AssalaamuAlaiKa Ya  
Rasulallah daripada  
\_\_\_\_\_ bin \_\_\_\_\_

- Kebanyakan Ulama berpendapat bahawa hukum meziarahi Rasulullah s.a.w adalah **Sunnah**. Dan ada yang mengatakan **wajib**.
- Memperbanyakkan **selawat** kepada Rasulullah s.a.w ketika berjalan menuju ke maqamnya.
- Di depan maqamnya, Kosongkan hati dari hal ehwal dunia, dan ingatlah akan kebesaran dan pengorbanan Rasulullah s.a.w.
- Penuhi hati dengan perasaan cinta kepadanya melebihi semua makhluk.
- Memberi salam kepada Rasulullah s.a.w dengan **suara yang tenang** dan kemudian sampaikan kiriman salam orang lain kepadanya.
- Memperbanyakkan doa, lebih-lebih lagi di **Raudhah**.

# AMALAN-AMALAN SEMASA DI MADINAH

- Sentiasa merasakan akan kebesaran Madinah di dalam hatinya.
- Hendaklah mendirikan kesemua solat lima waktu di masjid nabawi, dan berniat iktikaf setiap kali memasukinya.
- Cuba untuk solat dan beribadah di Raudhah Syarifah.
- Cuba untuk berpuasa ketika berada di Madinah.
- Memperbanyakkan sedekah kepada jiran tetangga rasulullah s.a.w, yaitu yang menetap di situ dan pendatang.





# MENZIARAHI SAHABAT-SAHABAT RASULULLAH S.A.W

*Salam ketika  
memasuki kubur  
Baqei*

السلام عليكم دار قوم  
المؤمنين ، وإنا إن شاء  
الله بكم لاحقون ،  
اللهم اغفر لأهل بقيع  
الغرقد ، اللهم اغفر لنا  
و لهم

- Menziarahi khalifah pertama dan kedua (Abu Bakar & Umar) r.a.
- Menziarah perkuburan Baqei. Memberi salam ketika memasuki kawasan kubur dan mendoakan mereka.
- Menziarahi Syuhada Uhud. Dan dimulakan dengan menziarahi pakcik Nabi s.a.w (Hamzah r.a).



# PERKARA-PERKARA LAIN YANG DIGALAKKAN

- Menziarahi masjid Quba. Berniat iktikaf ketika berada di dalamnya, dan niatkan untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. dan solat 2 rakaat Sunnah. *“solat di masjid quba seperti Umrah”*
- Ketika ingin meninggalkan Madinah .... Solat 2 rakaat di dalam masjid dan berdoa sesudahnya dengan apa sahaja yang diinginkan.
- Kemudian mendatangi Rasulullah s.a.w dan memberi salam kepadanya dan kedua sahabatnya, dan berdoa dengan apa yang dihajati dan meminta dari Allah s.w.t agar tidak menjadikan ziarah itu ziarah yang terakhir